

30 DEC 2000

Trafik-Sambutan

TINDAKAN KERAS TERHADAP MEMILIK KENDERAAN YANG CUAJ

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Polis Trafik Kuala Lumpur hari ini memberi amaran akan mengambil tindakan keras terhadap pemilik-pemilik kereta yang meletakkan kenderaan mereka secara cuai sehingga mengganggu lalu-lintas sempena sambutan tahun baru malam esok.

Ketua Polis Trafik Kuala Lumpur Supt Ishak Abdul Manan hari ini berkata pihaknya telah mengenalpasti empat kawasan yang akan menjadi tumpuan orang ramai malam esok dan dijangka akan mengalami kesesakan.

Kawasan-kawasan tersebut adalah Jalan Bukit Bintang, kawasan komersial Bangsar di Jalan Telawi, Dataran Merdeka dan KLCC serta kawasan-kawasan sekitarnya.

Katanya, orang ramai digalakkan menggunakan pengangkutan awam untuk ke lokasi-lokasi tersebut dan pihak Star-LRT serta Putra-LRT telah bersetuju melanjutkan perkhidmatan mereka hingga pukul 3 pagi keesokan harinya.

Bagi orang ramai yang membawa kenderaan sendiri mereka dinasihatkan supaya meletakkan kenderaan masing-masing jauh dari lokasi sambutan kerana jalan-jalan masuk ke lokasi-lokasi tersebut akan ditutup secara berperingkat.

Kenderaan-kenderaan yang diletakkan secara salah dan menghalang lalulintas akan ditunda oleh pihak berkuasa dan kadar saman yang dikenakan adalah RM300 berserta RM50 untuk kerja-kerja menunda..

Semua pengguna lalulintas dinasihati mematuhi undang-undang lalulintas supaya tidak diambil tindakan penguatkuasaan.

Kata Ishak pihaknya juga akan mengadakan operasi untuk mengesan kegiatan lumba haram dan pemandu mabuk di sekitar bandaraya.

Mengenai lokasi-lokasi yang terlibat dalam penutupan jalanraya, katanya Jalan Bukit Bintang akan ditutup dari 31 Dis sehingga 8 pagi 1 Jan untuk kerja-kerja pementasan simponi orkestra yang akan diadakan di hadapan Sekolah Menengah Bukit Bintang.

Manakala laluan dari Hotel Regent akan dibuka sehingga jam 7 malam 31 Dis dan Jalan Sultan Ismail dari persimpangan Jalan Imbi ke Jalan Bukit Bintang akan dijadikan jalan sehala menghala ke Jalan Bukit Bintang.

Sebahagian Jalan Bukit Bintang di depan Wisma Keck Seng akan juga ditutup untuk laluan.

Seramai 55 anggota polis trafik telah ditugaskan mengawal keadaan persekitaran lokasi ini dimana Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka menjadi tetamu kehormat.

Untuk sambutan di Dataran Merdeka, Jalan Raja daripada persimpangan Jalan Tun Perak ke Jalan Lebu Pasar Besar akan ditutup untuk semua laluan.

Di KLCC pula di mana pihak penganjur telah mengaturkan satu acara payung terjun dari Menara KLCC, seramai 20 anggota telah ditugaskan untuk mengawal keadaan kesesakan di kawasan itu, Jalan P.Ramlee dan sebahagian Jalan Sultan Ismail.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka tiba lebih kurang pukul 11 malam untuk menyaksikan acara tersebut.

-- BERNAMA

YBK ES SR